

KANDUNGAN BAHAN DALAM MEDIA MASSA YANG MENARIK MINAT PELAJAR. KAJIAN DI SMK DAERAH PASIR PUTEH, KELANTAN

Noradilah Abdul Wahab¹, Mohd Sani Ismail² & Rossidi Usop³

^{1,2}. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

³. Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

Penulis Koresponden : Noradilah Abdul Wahab
adilahphd@yahoo.com

Abstrak: Pengenalan: Media massa merupakan alat sebaran am atau alat perantara komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat kepada masyarakat dengan mudah dan cepat. Media massa juga sebagai ruang informasi yang dapat menjadikan masyarakat lebih bermaklumat dan dianggap sebagai ruang budaya di mana watak dan peristiwa cuba digambarkan dengan tepat. **Objektif:** Kertas kerja ini bertujuan melihat kandungan bahan dalam media massa yang dapat menarik minat pelajar. **Metodologi:** Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan edaran borang soal selidik yang melibatkan 200 pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan daerah Pasir Puteh. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan SPSS versi (20). Dapatan menunjukkan, responden kajian meminati kandungan bahan dalam media massa yang berbentuk sukan dan juga hiburan. **Kesimpulan:** Kemudahan teknologi pada hari ini memudahkan lagi pelajar untuk mendapatkan pelbagai maklumat, sama ada maklumat yang berbentuk positif, mahupun negatif.

Kata Kunci: Kandungan Bahan, Media Massa, Pelajar

Abstract: Introduction: Mass media is a common tool or medium of intermediary communication that can convey information to society easily and quickly. Mass media is also an information space that can make the society more informed and regarded as a cultural space where characters and events are accurately depicted. **Objective:** This paper aims to see the content of the material in the mass media that can attract students. **Methodology:** The data collection was done using a questionnaire distribution involving 200 secondary school students at, Pasir Puteh, Kelantan. Data were analyzed descriptively by using SPSS version (20). The findings show that the respondents are interested in the content of the material in mass media in the form of sports and entertainment. **Conclusion:** The ease of today's technology makes it easier for students to get a variety of information, whether it's positive or negative.

Keywords : Content, Mass Media, Student

Pengenalan

Media bukan hanya sebagai alat pengedaran, pengarkiban dan berasaskan teks semata, tetapi media juga berkeupayaan menyampaikan kandungan dan maklumat (Endres, 2013) kepada masyarakat di seluruh dunia (Muhamad Asyraf, Khairul Azhar & Rushdi, 2013). Media mass merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi (Sohana, 2016). Media massa juga merupakan sarana penyampaian maklumat secara serentak dan boleh diakses secara meluas (Silvia, 2014). Selain itu, media massa merupakan medium, saluran atau alat yang digunakan

ketika dalam komunikasi massa. Media massa merangkumi, media cetak, seperti (buku, akhbar dan majalah), media elektronik seperti (televisyen, video, radio, dan telefon) (Blake, 2009) dan media siber seperti (web, online media) yang boleh dicapai apabila menggunakan kemudahan internet.

Hakikatnya, media massa merupakan alat sebaran am yang dapat memudahkan masyarakat untuk mendapatkan informasi, sama ada dalam atau luar negara. Media massa dapat memupuk sikap minat membaca dalam kalangan masyarakat. Namun, sekiranya media massa tidak dipantau dengan lebih berkesan, kemudahan yang positif mampu mengubah menjadi negatif, bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada masyarakat, bahkan kepada negara (Hamdan, 2015). Media massa juga mampu mengubah gaya hidup masyarakat (Sohana, 2016), terutamanya pelajar yang relatifnya mudah terpengaruh dengan perkara-perkara baru.

Sememangnya tidak dapat dinafikan, media massa merupakan antara penyumbang kepada masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Program-program yang berbentuk hiburan daripada dalam dan luar negara banyak ditayangkan. Adengan-adengan yang menjolok mata menjadi santapan masyarakat, khususnya pelajar. Secara tidak langsung, keadaan ini akan mencetuskan kemelut jati diri pelajar yang sedang mencari identiti diri (Sohana, 2016). Justeru itu, kajian ini adalah untuk melihat apakah kandungan bahan dalam media massa yang dapat menarik minat pelajar.

Metodologi kajian

Metodologi kajian ini adalah secara kuantitatif. Responden yang terlibat dalam kajian ialah seramai 200 orang. Pemilihan sampel kajian dilakukan secara rawak mudah. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian. Skala yang digunakan adalah skala Likert empat mata. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) Versi 20. Analisis deskriptif, iaitu kekerapan, min, sisihan piawai dan peratusan digunakan untuk menganalisis data.

Dapatan kajian

1. Profile Demografi Responden

Seramai dua ratus sampel telah dianalisis dalam penyelidikan ini yang melibatkan sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Puteh, Kelantan.

2. Bilangan sampel pelajar berdasarkan jantina

Jadual 1 menunjukkan bilangan sampel kajian berdasarkan jantina. Jadual tersebut menunjukkan seramai dua ratus (100%) responden terlibat di dalam kajian yang terdiri daripada 137 orang pelajar lelaki (68.5 %) dan 63 orang pelajar perempuan (31.5%). Sampel kajian ini berdasarkan kepada rekod dan pemilihan yang dilakukan oleh guru disiplin serta guru kaunseling di setiap sekolah yang terlibat.

Jadual 1: Bilangan sampel pelajar berdasarkan jantina

Jantina	Bilangan Sampel	Peratus
Lelaki	137	68.5%
Perempuan	63	31.5%
Jumlah	200	100.0%

3. Analisis deskriptif terhadap Minat Pelajar Terhadap Kandungan Bahan Dalam Media Massa

Jadual 2 merupakan dapatan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi minat pelajar terhadap kandungan bahan dalam media massa. Dapatan menunjukkan responden lebih berminat terhadap “sukan” dengan mencatat (*skor min*=3.03, *sisihan piawai*=.902), dan dapatan kekerapan menunjukkan 89 responden bersetuju dan 67 responden pula sangat bersetuju, hanya 17 responden sahaja yang sangat tidak berminat terhadap siaran yang berunsur kesukanan. Manakala kandungan bahan dalam media massa berkaitan dengan “pendidikan” juga menarik minat pelajar dengan (*skor min*=2.95, *sisihan piawai*=.993), dan dapatan kekerapan menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa mereka banyak menggunakan media massa untuk tujuan pendidikan.

Seterusnya “hiburan” mencatat (*skor min=2.81, sisihan piawai=1.07*), dan seramai 41 responden sangat tidak bersetuju, walau bagaimanapun seramai 84 responden bersetuju dan 59 responden sangat bersetuju apabila dikatakan mereka meminati kandungan bahan dalam media massa yang berbentuk hiburan. Manakala “humor/lawak jenaka” pula mencatat (*skor min=2.89, sisihan piawai=1.07*) dan dapatan menunjukkan 71 responden sangat bersetuju. “Mistik/misteri/seram” mencatat (*skor min=2.89, sisihan piawai=1.02*), dan majoriti responden bersetuju bahawa mereka memilih media massa yang berunsur mistik/ misteri dan seram.

Manakala “pengetahuan Am/rencana/histori” mencatat (*skor min=2.52, sisihan piawai=1.06*), dan 44 responden sangat tidak bersetuju apabila dikatakan mereka memilih media massa untuk mengetahui tentang pengetahuan Am, rencana dan histori. Manakala “X-related/ lucu/ berunsur seks” mencatat (*skor min=1.60, sisihan piawai=1.01*) dan dapatan kekerapan menunjukkan majoriti responden sangat tidak berminat terhadap hiburan yang berunsur seks dan lucu, walaubagaimana pun terdapat 22 responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 2 : Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Minat Pelajar Terhadap Kandungan Bahan dalam Media Massa

No.	Item	STS	TS	S	SS	Skor Min	Sp.	Interpretasi
1	Hiburan	41 (20.5%)	16 (8%)	84 (42%)	59 (29.5%)	2.81	1.07	Sederhana Rendah
2	Sukan	17 (8.5%)	27 (13.5%)	89 (44.5%)	67 (33.5%)	3.03	.902	Sederhana Tinggi
3	Humor/ lawak jenaka	34 (17%)	26 (13%)	69 (34.5%)	71 (35.5%)	2.89	1.07	Sederhana Rendah
4	Mistik/ misteri/ seram	31 (15.5%)	24 (12%)	82 (41%)	63 (31.5%)	2.89	1.02	Sederhana Rendah
5	Pendidikan	28 (14%)	20 (10%)	87 (43.5%)	65 (32.5%)	2.95	.993	Sederhana Tinggi
6	Pengetahuan Am/rencana/ histori	44 (22%)	50 (25%)	63 (31.5%)	43 (21.5%)	2.52	1.06	Sederhana Rendah
7	X-related/	137	29	12	22	1.60	1.01	Rendah

Kandungan Bahan dalam Media Massa yang Menarik Minat Pelajar: Kajian Di SMK Daerah Pasir Putih, Kelantan

	lucuh/ berunsur seks	(68.5%)	(14.5%)	(6%)	(11%)			
	Jumlah Keseluruhan					2.66	.671	Sederhana Rendah

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mencatat skor min 2.66 dan sisihan piawai adalah .671. Manakala minimum dapatan adalah 1.00 dan maksimumnya adalah 4.00. Keseluruhan dapatan menunjukkan berada pada tahap sederhana rendah. Kebanyakan responden meminati program sukan yang disiarkan dalam media massa. Mereka juga gemar memilih media massa yang berunsur hiburan.

4. Analisis Inferensi Perbezaan Faktor Jantina Terhadap Kandungan Bahan dalam Media Massa

Bagi menjawab persoalan adakah terdapat perbezaan yang signifikan faktor jantina terhadap kandungan bahan dalam media massa yang menarik minat pelajar, ujian-t perlu dilakukan.

Jadual 3 : Perbezaan Faktor Jantina Terhadap Kandungan Bahan yang Dapat Menarik Minat Pelajar

Demografi	Faktor	N	Min	SP	T	Sig.
Jantina	Lelaki	137	2.98	0.452	3.919	0.000
	Perempuan	63	2.72	0.515	3.915	0.000

Sig. pada aras 0.05

Jadual 3 menunjukkan perbezaan faktor jantina terhadap kandungan bahan dalam media massa yang dapat menarik minat pelajar. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan faktor jantina terhadap kandungan bahan dalam media massa yang dapat menarik minat pelajar.

Perbincangan

Program sukan mencatatkan dapatan tertinggi dan ini menunjukkan sukan merupakan antara siaran yang paling digemari oleh responden kajian. Dapatan ini sedikit bercanggah dengan kajian yang telah dijalankan oleh Azizi et. al., (2014) terhadap

pelajar sekolah menengah di beberapa buah sekolah di Johor mendapati filem atau cerita yang menayangkan aksi lasak dan agresif menjadi tarikan dan pilihan pelajar. Tambahan pula cerita-cerita boleh ditonton secara percuma dilaman-laman sosial dan akibatnya sikap agresif dalam kalangan remaja menular sama ada dalam kawasan sekolah atau sebaliknya.

Manakala kajian Ab. Halim Tamuri dan Zarin (2004) mendapati pelajar lebih berminat terhadap jenis kandungan media massa berbentuk pendidikan/ pengetahuan Am, diikuti oleh bidang agama, media massa berbentuk hiburan, kemudian bahan-bahan seram dan yang terakhir ialah lawak jenaka. Menurut kajian Ab. Halim dan Zarin (2009), Ab. Halim Tamuri (2006), Shamsudin (2001) dan Mohd. Ali Ihsan (2010) menunjukkan bahawa kandungan bahan yang berbentuk hiburan merupakan kriteria utama yang menjadi penentuan kepada pemilihan remaja yang dikategorikan dalam golongan pelajar. Hiburan ke arah keseronokan menjadi pilihan utama berbanding dengan slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambah ilmu pengetahuan dan ini menunjukkan media massa sangat mempengaruhi tingkah laku, akhlak dan kehidupan sosial remaja (Sohana, 2016). Majoriti responden kajian cenderung menonton rancangan-rancangan yang bercorak hiburan (Samani et. al., 2011).

Manakala kandungan yang berunsur lucah berada pada tahap yang paling rendah. Namun, perkara ini tidak harus dipandang enteng sahaja, kerana ia akan mendatangkan akibat yang lebih buruk kepada generasi akan datang. Menurut Supartiningsih, (2004) Kemunculan teknologi-teknologi baru mengakibatkan terjadinya peningkatan laman pornografi. Menurut Brown (2003), remaja menjadikan media massa sebagai sumber maklumat bagi mengakses berkaitan dengan seksual berbanding dengan rakan sebaya kerana media massa memberikan gambaran yang jelas selaras dengan kehendak mereka.

Golongan remaja juga gemar melayari laman web yang berunsur negatif seperti laman web pornografi (Nadia, 2017). Kesibukan ibu bapa dengan pekerjaan sehingga perhatian terhadap anak-anak terabai menyebabkan anak-anak bebas melakukan apa sahaja. Kenyataan ini disokong Nadia (2017), yang berpendapat bahawa sebahagian besar daripada ibu bapa masa kini terlalu sibuk bekerja sehingga perhatian terhadap keluarga terabai. Justeru itu, mustahil anak-anak tidak terdedah sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap unsur-unsur negatif yang bertebaran di internet. Tambahnya lagi, pengarah Love Myself Campaign Dr. Shamsuriani menyatakan,

berdasarkan statistic global yang dikeluarkan oleh laman web lucah di Amerika Syarikat baru-baru ini menyebut, Malaysia antara negara paling tinggi di Asia yang menonton pornografi.

Penutup

Ringkasnya, media massa merupakan medium dalam menyampaikan informasi secara lebih cepat dan pantas. Namun, media massa juga menjadi wadah hiburan kepada masyarakat, terutamanya pelajar yang relatifnya sangat mudah terpengaruh dan dipengaruhi. Justeru itu, pemantauan daripada pihak yang bertanggungjawab perlu bagi memastikan informasi yang dipaparkan tidak berunsur negatif dan maklumat-maklumat diterima adalah benar.

Penghargaan

Terima kasih kepada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam kerana telah memberi ilmu dan pengalaman yang sangat berguna. Setinggi-tinggi penghargaan kepada KPM, JPN, dan SMK di daerah Pasir Puteh, Kelantan kerana telah memberi kerjasama yang sangat baik.

Rujukan

- Ab. Halim T., & Zarin., I.(2006) Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak Dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja Di Sabak Bernam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-5; 1-8. Ukm. Bangi: Fakulti Pendidikan.
- Blake, Reed H. (2009). A Taxonomy of Concept in Communication, Diterjemahkan Dalam Taksonomi Konsep Komunikasi. Surabaya: Papyrus.
- Dakwah. Kertas Kerja Muzakarah Ulama' Dan Cendiakawan Islam. Perak: Pejabat Suk Negeri Perak.
- Endres, H. (2013). Sheddz A Clothing Brand: Creating A Marketing Plan through Social Media And Traditional Marketing Research. Faculty of the Journalism Department, California Polytechnic State University San Luis Obispo.
- Fariza,M.,S., & Muhammad , F., A. (2010). Media Sebagai Tarikan Psikologi Dalam Masyarakat. Jurnal Of Social Sciences and Humanities. Special Issue I (October 2016). Hlmn 214-226.

Mohd Hamdan Haji Adnan. (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol 2. Hlmn. 57-74.

Muhamad Asyraf, Khairul Azhar Dan Rushdi Ramli. (2013). Dakwah Siber: Etika Dan Akhlak. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah Dan Pembangunan Insan: Isu-Isu Dakwah Semasa 15-16 Mei*. 455-485.

Silvia Riskha Fabriar. (2014). Etika Media Massa Era Global. *Artikel Jurnal*. Vol. 6. No. 1. Hlmn. 70-84.

Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial

Wan Norina W.H.,Zaharah,H.,Ahmad, F.,Mohamed ,Y., & Ahmad Arifin,S.(2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Januari 2013, Vol.1, Issue 1.